

Lepasan institusi pengajian tinggi miliki pelbagai kemahiran

Majikan perlu utamakan graduan

UM 03.10.2010 26

KOTA KINABALU 2 Okt. - Pihak majikan di negeri ini diseru memberi peluang kepada graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk berkhidmat di tempat mereka meskipun tiada pengalaman dan baru selesai sesi pembelajaran.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, majikan perlu memberi peluang dan ruang kepada golongan tersebut untuk membina kerjaya kerana graduan IPT mempunyai pencapaian akademik yang baik dan memiliki kreativiti tinggi, meskipun masih cetek pengalaman.

"Jika golongan ini tidak diberi peluang berkhidmat di tempat mereka, sampai bila-bila mereka tidak akan memiliki pengalaman kerja dan membuktikan kemampuan yang ada.

"Di sinilah peranan para majikan dan industri dalam melahirkan aset baharu dan modal insan untuk memimpin serta memajukan negeri ini, sekali gus membantu kerajaan dalam menangani masalah pengangguran di kalangan mahasiswa," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada



MUSA Aman (dua dari kiri) memperkatakan sesuatu kepada wakil syarikat yang terlibat dalam Program Outreach SLIM 2012 Peringkat Negeri Sabah di UMS, semalam.

Program Outreach Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) 2012 Peringkat Negeri Sabah dan sesi penerangan

inisiatif potongan cukai berganda kepada syarikat yang menyertai program tersebut.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah; Ketua

Sekretariat SLIM, Norashikin Ismail dan Pengarah Seksyen Pembangunan Modal Insan, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Mohd. Gazali Abas.

Sebanyak 44 buah syarikat, termasuk syarikat milik kerajaan (GLC) menyertai program tersebut yang berlangsung di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2 UMS.

Mengulas lanjut, Musa berkata, program seumpama itu dilihat memberi peluang besar kepada graduan lepasan IPT untuk mendapat perkerjaan, selain diberi ruang untuk membuktikan kemahiran serta kemampuan diri.

Jelasnya, selain boleh mengembangkan bakat dalam bidang yang diminati, graduan juga berupaya memperbaiki penampilan dan keyakinan diri semasa mengikuti program tersebut bersama syarikat yang menggunakan khidmat mereka.

"Selain graduan IPT mendapat manfaat daripada program tersebut, majikan yang terlibat juga memperoleh faedah apabila diberi insentif potongan cukai berganda melalui kaedah cukai pendapatan," katanya.